

Universiti HELP, Alliance Bank tubuh makmal penyelidikan berasaskan AI

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad Hazwan](mailto:faisal@mediaprima.com.my) - November 2, 2023 @ 3:34pm
faisal@mediaprima.com.my



Majlis pemeteraian memorandum persefahaman. - NSTP/AMIRUDIN SAHIB.

KUALA LUMPUR: Universiti HELP melalui Fakulti Pengkomputeran dan Teknologi Digital menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Alliance Bank Malaysia Bhd (ABMB) bagi memperkenalkan Makmal Penyelidikan mengenai Generatif AI yang pertama di Malaysia di antara institusi pengajian tinggi dan institusi kewangan.

Naib Canselor Universiti HELP, Profesor Dr Liew Teik Kooi, berkata usaha kerjasama antara kedua-dua institusi itu menjanjikan bukan sahaja untuk mengubah industri kewangan, tetapi juga untuk merevolusikan landskap pendidikan.

Katanya, penubuhan makmal penyelidikan bersama mengenai Generatif AI mempunyai impak positif ke atas pendidikan dan industri kewangan, di mana pendidik

dan pelajar akan berupaya untuk mensintesis kajian kes yang tulen dan menyemarakkan penyelidikan lanjut menggunakan kes dan keperluan penggunaan dunia sebenar.

"Ini meningkatkan pengalaman akademik mereka dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran industri yang dinamik.

"Industri kewangan pula berpeluang mendapat manfaat daripada kerjasama ini melalui penyepaduan penemuan termaju ke dalam operasi mereka dan memperoleh kelebihan daya saing dalam membangunkan dan melancarkan produk baharu.

"Kuasa ramalan AI dan pembelajaran mesin juga membolehkan keputusan yang lebih pantas, lebih termaklum, mengurangkan kos tinjauan dan memupuk inovasi dalam reka bentuk produk," katanya pada majlis menandatangani MoU berkenaan di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan Alliance Bank, Khim Tan.

Mengulas lanjut Teik Kooi berkata, bersama-sama dengan ABMB, pihaknya mengintegrasikan inovasi dan teknologi termaju dalam projek penyelidikan dan mencipta satu lagi pencapaian dalam pendidikan.

"Ia juga adalah makmal penyelidikan yang pertama seumpamanya antara kedua-dua institusi di mana pelajar memperoleh pengalaman dunia sebenar yang tidak ternilai sambil menyumbang kepada penyelidikan yang inovatif.

"Ia adalah situasi menang-menang untuk akademia dan industri, menjanjikan untuk mentakrifkan semula cara pendidikan dan industri bersilang," katanya.

Sementara itu Khim berkata, di Alliance Bank, pihaknya berusaha untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat paling cemerlang.

"Dengan mewujudkan kerjasama jangka panjang dengan universiti, bank menyasarkan untuk menarik dan mengambil graduan terbaik sambil menyediakan peluang pembangunan yang menarik untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan.

"Melalui perkongsian seperti ini dengan Universiti HELP, kami amat percaya bahawa ia akan mengukuhkan kehadiran jenama kami dalam kalangan pelajar melalui inisiatif jangka panjang dan pendek seperti projek penyelidikan bersama, pembangunan kurikulum bersama dan penyertaan dalam kuliah tetamu khususnya dalam bidang sains komputer dan teknologi digital.

"Pelajar Sarjana Sains Data Universiti HELP yang terbabit dalam penyelidikan juga boleh menjalani latihan dan dilatih di ABMB, yang mana akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerana ABMB akan dapat memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar, manakala pelajar mendapat pelbagai pendedahan di institusi kewangan," katanya.